



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA

LAPORAN AKHIR SIASATAN KEMALANGAN UDARA NAHAS PESAWAT SABAH AIR MODEL GAF N-22B NOMAD 9M-ATZ, KOTA KINABALU, 6 JUN 1976

1. Susulan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri pada 5 April 2023 berkenaan Laporan Siasatan Akhir Kemalangan Udara Pesawat Sabah Air Nomad N-22B 9M-ATZ yang berlaku pada 6hb Jun 1976 ("*Double-Six Tragedy*"), saya mengumumkan bahawa proses untuk menyahklasifikasi laporan tersebut telah selesai pada 6hb April 2023.
2. Sebagai Menteri Pengangkutan yang bertanggungjawab ke atas penerbangan awam dan siasatan kemalangan udara, saya telah mengelaskan semula laporan siasatan akhir tersebut sebagai **dokumen terbuka** dengan menggunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972. Mulai hari ini, laporan lengkap tersebut dapat dimuat turun dari laman web rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia di :
<https://www.mot.gov.my/en/aviation/reports/n22b-nomad>
3. Untuk makluman, laporan siasatan akhir kemalangan udara Nomad N22B 9M-ATZ disiapkan pada 25hb Januari 1977 dan kemudian dibentangkan ke Jemaah Menteri pada bulan Mac 1977. Namun begitu, hasil siasatan laporan tersebut tidak pernah diumumkan. Oleh demikian, selama hampir 47 tahun ahli keluarga mangsa-mangsa yang terlibat tidak dapat mengetahui fakta dan sebab di sebalik nahas kemalangan udara tersebut.
4. Seramai sebelas (11) nyawa telah terkorban dalam tragedi *Double-Six*, termasuk barisan pimpinan kanan Kerajaan Negeri Sabah ketika itu seperti berikut:
 - I. Tun Fuad Stephens – Ketua Menteri Sabah
 - II. Datuk Peter Joinod Mojuntin – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah
 - III. Datuk Chong Thien Yun – Menteri Perhubungan dan Kerja Raya Sabah
 - IV. Datuk Salleh Sulong – Menteri Kewangan Sabah



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- V. Datuk Darius Binion – Pembantu Menteri kepada Timbalan Ketua Menteri Sabah
- VI. Datuk Wahid Peter Andau – Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah
- VII. Dr Syed Hussein Wafa – Pengarah Unit Perancang Ekonomi Sabah
- VIII. Ishak Atan – Setiausaha Sulit kepada Menteri Kewangan Malaysia
- IX. Koperal Said Mohammad – Pengawal Peribadi kepada Ketua Menteri Sabah
- X. Johari Fuad Stephens – Anak kepada Ketua Menteri Sabah
- XI. Gandhi J Nathan – Juruterbang Pesawat 9M-F7Z

Saya merakamkan ucapan takziah kepada semua keluarga dan waris kepada mangsa-mangsa yang terkorban.

- 5. Di peringkat Kementerian Pengangkutan, setiap insiden penerbangan haruslah disiasat secara telus dan menyeluruh untuk menerapkan kepercayaan antarabangsa terhadap keupayaan Malaysia dalam membina sebuah industri penerbangan yang berkredibiliti dan menepati piawian tertinggi. Kementerian Pengangkutan komited untuk meneruskan dasar keterbukaan ini.

MENTERI PENGANGKUTAN
LOKE SIEW FOOK
12 APRIL, 2023

-TAMAT-

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Encik Lu Wei Hoong
Setiausaha Akhbar Menteri Pengangkutan
wh@mot.gov.my

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my